

- (b) (i) Apakah maksud ijab dan qabul dalam rukun perkahwinan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua syarat lafaz akad nikah. [4 markah]

Penganjuran kursus perkahwinan oleh pihak jabatan agama Islam untuk pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga adalah berpandukan silibus dan modul yang telah ditetapkan.

- (iii) Huraikan pendapat anda terhadap penganjuran kursus tersebut. [4 markah]

3 (a) Perkahwinan merupakan tuntutan untuk memenuhi keperluan fitrah manusia .

(i) Nyatakan maksud perkahwinan. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** syarat bagi setiap rukun nikah berikut: [4 markah]

a) Saksi

b) wali

(iii) Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut: [4 markah]

a) Bakal suami tiada dalam majlis akad nikah kerana melanjutkan pengajian di luar negara.

b) Seorang saksi yang bisu dan pekak telah menjadi saksi perkahwinan Azura.

- (b) Meminang dan walimatulurus merupakan perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dalam Islam.
- (i) Nyatakan maksud meminang. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** anggota yang harus dilihat semasa meminang. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** adab walimatulurus dalam Islam. [4 markah]
 - (iv) Terangkan tujuan pensyariatan walimatulurus. [2 markah]

- (b) (i) Apakah maksud perkahwinan? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua tujuan pensyariatan walimatulurus. [4 markah]

"Masyarakat kita pada hari ini dicemari dengan pelbagai krisis akhlak merangkumi tingkah laku dan perbuatan tidak bermoral"

(Jurnal al-Turath; Vol. 3, No. 1; 2018)

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan tanggungjawab ibu bapa bagi menanganinya. [4 markah]

(b) Perkahwinan ialah akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak.

(i) Berikan maksud walimatulurus. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan adab walimatulurus. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan tujuan pensyariatan walimatulurus. [2 *markah*]

(c)

Masyarakat pada masa kini lebih mementingkan adat dalam meraikan majlis walimatulurus berbanding dengan majlis yang menepati syariah Islam.

Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan pendapat anda mengapakah Islam menganjurkan supaya diadakan majlis walimatulurus yang menepati syariah Islam. [4 *markah*]

(b)

(i) Nyatakan maksud walimatulurus.

(2 *markah*)

(ii) Jelaskan **dua** tujuan pensyariatan walimatulurus.

(4 *markah*)



(iii) Gambar di atas menunjukkan salah satu adat yang menjadi kebiasaan masyarakat Islam pada masa kini ketika majlis walimatulurus. Kemukakan pendapat anda. (4 *markah*)